

# PENGARUH BUDAYA POPULAR RAVE DALAM KELOMPOK REMAJA BANDARAN: ANALISIS DARI PERSPEKTIF HUKUM ISLAM

## The Influence of Rave Popular Culture in Urban Youth Groups: An Analysis from the Perspective of Islamic Law

Muhammad Khairul Hafiz Noor Hisham\*

Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar\*\*

Mohd Anuar Ramli\*\*\*

### ABSTRACT

*Rave culture's emergence is similar to the Rock, Punk, Black Metal, Skinhead, and Gothic subcultures that once created a phenomenon in this country. The spread of this culture fulfils the desire for enjoyment among some social groupings. Rave is a new subculture of dance activities performed by groups of urban teenagers, particularly in Kuala Lumpur. It embodies the character of the youth group, as evidenced by its symbolism and mode of operation. Therefore, the focus of this qualitative study is an evaluation of*

---

\* Master's Degree, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur. knoorhisham@gmail.com

\*\* Senior Lecturer, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur. syedjeffri89@um.edu.my

\*\*\* Associate Professor, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur (corresponding author). mohdanuar@um.edu.my

*Rave popular culture through the lens of Islamic law. To achieve its goal, this study employs a full library approach to data collection from documentation materials, either in print or visually in the form of Youtube videos. The data is then inductively analysed to formulate an Islamic law perspective. This study discovered that Rave activities carried out by urban youth groups in this country have undergone changes that distinguish them from Rave activities originating in pubs and clubs. The difference is in carrying concept, manner of activities, type of song, and location of activity. However, the difference does not justify the practice of this culture because it has no discernible positive impact on the local community's social system. According to Islamic law, it falls under the category of haram acts due to the presence of neglectful entertainment and unlawful aspects, such as the imitation of immoral culture. In fact, it has the potential to erode the value of Malay politeness among teenagers. So that, to ensure the sustainability of the value system that is their identity, groups of teenagers should be guided so that they do not randomly imitate foreign popular cultures.*

**Keywords:** Popular culture, hedonistic, entertainment, Islamic law, Malay politeness

## PENDAHULUAN

Kemunculan suatu sub-budaya mempunyai kaitan rapat dengan dengan proses interaksi dalam sistem sosial masyarakat. Di Malaysia khususnya sekitar tahun 2014 hingga 2016, telah popular satu sub-budaya yang menjadi fenomena dalam kalangan anak muda bandaran, iaitu rave. Ledakan inovasi teknologi komunikasi dalam era Revolusi industri 4.0 telah menghasilkan pelbagai aplikasi media baharu dan telah merapatkan jurang sempadan di antara masyarakat dunia. Hasilnya, telah berlaku peralihan bentuk hubungan masyarakat yang mula berinteraksi secara rentas

sempadan. Keadaan ini telah membuka ruang kepada berlakunya proses penyilangan dan peminjaman unsur-unsur budaya secara meluas di peringkat global. Unsur-unsur budaya yang berjaya mendapat tempat dalam saluran komunikasi membentuk sebagai suatu budaya yang popular. Budaya ini memenuhi cita rasa semasa bagi kehidupan sesebuah kumpulan dalam masyarakat. Penularan budaya popular ini secara tidak langsung membawa masyarakat untuk turut melakukan transformasi cara dan gaya kehidupan mereka ke arah bentuk baharu dan moden.

Di sisi masyarakat Melayu-Islam, nilai kesantunan, kesopanan dan maruah diri begitu disanjung tinggi sehingga menjadi identiti teras bagi masyarakat. Pertumbuhan sub-budaya *rave* yang membentuk fenomena berpotensi membawa kepada gejala penghakisan identiti diri masyarakat khasnya kelompok anak muda bandaran. Hal ini kerana, bentuk aktiviti *rave* dilihat bebas dan memberi tekanan terhadap budaya asli masyarakat setempat. Maka, jika diteliti dari perspektif Islam, setiap aktiviti dalam kehidupan manusia yang terkait dengan kepercayaan, perbuatan atau pengamalan mempunyai ketetapan hukumnya yang tersendiri di sisi Allah SWT. Oleh demikian, syariah Islam dalam berinteraksi dengan amalan dalam masyarakat mempunyai asas pertimbangan yang tegas bagi menjamin kemaslahatan dan kesejahteraan dalam kehidupan masyarakat. Asas inilah menjadi kayu ukur sebagai panduan agar kehidupan manusia selari dengan ketetapan syariat Islam yang sesuai untuk direalisasikan pada setiap zaman dan keadaan.

## **FENOMENA BUDAYA POPULAR RAVE DAN PERKEMBANGANNYA DI MALAYSIA**

Dari segi etimologinya, budaya popular merupakan kombinasi daripada dua perkataan, iaitu ‘budaya’ dan ‘popular’. Pengertian bagi perkataan budaya secara asasnya merujuk kepada suatu yang kompleks berkenaan cara hidup atau tabiat yang menjadi amalan sekumpulan masyarakat.<sup>1</sup> Keluasan bidang budaya mencakupi seluruh aspek dalam kehidupan yang didasari oleh pemikiran,

---

<sup>1</sup> Wan Abdul Kadir, *Masyarakat dan Budaya Melayu: Tradisi dan Perubahan* (Kuala Lumpur: Pustaka Ilmu, 2007), 2.

kepercayaan dan etos<sup>2</sup> khusus sesebuah masyarakat.<sup>3</sup> Dalam hal kebudayaan, aspek pemikiran merupakan elemen penting yang menjadi identiti kepada sesebuah masyarakat. Hal inilah yang menjadi teras dalam pembinaan tamadun manusia.<sup>4</sup> Maka, setiap unsur budaya pasti akan terkait dengan pembawaan pemikiran bagi sesebuah masyarakat atau bangsa. Manakala, bagi perkataan popular menurut kamus Dewan, membawa maksud sesuatu yang terkenal, diketahui dan disukai oleh orang ramai.<sup>5</sup>

Gabungan daripada kedua-dua perkataan tersebut membentuk satu istilah iaitu, budaya popular (*popular culture*). Ia bererti unsur-unsur budaya yang diminati dan menjadi tumpuan orang ramai.<sup>6</sup> Menyentuh tentang definisi budaya popular, setiap pengkaji dan ahlinya mempunyai definisi yang tersendiri.<sup>7</sup> Budaya popular sebagaimana yang dinyatakan oleh Wan Abdul Kadir mempunyai kaitan rapat dengan kehidupan yang meliputi keseluruhan cara hidup anggota masyarakat sehari-hari (*lived culture*). Budaya ini mudah menular dan mendapat tempat dalam kalangan masyarakat. Hal ini kerana, penyebaran dan perkembangan budaya popular boleh merentasi semua golongan tanpa mengira kelompok atau kelas sosial masyarakat.<sup>8</sup> Namun, realiti budaya ini kebiasaannya

<sup>2</sup> Etos: Sistem nilai sosial yang terdapat dalam sesebuah budaya.

<sup>3</sup> Antar Venus dan Lucky Helmi, “Budaya Populer Jepang di Indonesia: Catatan Studi Fenomenologis tentang Konsep Diri Anggota Cosplay Party Bandung,” *Jurnal ASPIKOM* 1, no. 1 (2010), 72.

<sup>4</sup> Wan Abdul Kadir, *Budaya Popular dalam Masyarakat Melayu Bandaran* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988), 1.

<sup>5</sup> Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, diakses pada 3 Disember 2022, <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=popular>.

<sup>6</sup> Bing Bedjo Tanudjaja, “Pengaruh Media Komunikasi Massa Terhadap Popular Culture dalam Kajian Budaya/Cultural Studies,” *Nirmana* 9, no. 2 (2017), 96-97.

<sup>7</sup> Dominic Strinati, *Popular Culture: An Introduction to Theories of Popular Culture: Pengantar Menuju Teori Budaya Popular*, terj. Abdul Mukhid (Jakarta: Jejak, 2003), xxx.

<sup>8</sup> Wan Abdul Kadir, *Budaya Popular dalam Pembangunan Masyarakat dan Budaya Melayu* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2003), 7.

lebih mudah didapati dalam gaya hidup kelompok anak muda.<sup>9</sup> Anak muda atau golongan remaja merupakan kelompok daripada masyarakat yang paling ramai menggayaikan hidup mereka dengan unsur-unsur budaya popular serta menjadi pendokong utamanya.<sup>10</sup> Hal ini kerana, peribadi kelompok ini yang mudah teruja dalam mencuba sesuatu unsur baharu dan sentiasa mengikuti trend semasa.<sup>11</sup>

Menurut John Storey, budaya popular adalah sebuah budaya yang diterima secara meluas oleh orang kebanyakan tanpa mengira di mana ia muncul dan diperkenalkan. Ia boleh dikelaskan sebagai budaya yang dihasilkan dan berasal daripada golongan rakyat untuk digunakan oleh mereka sendiri (rakyat untuk rakyat). Selain itu, ia juga berkait rapat dengan peranan industri massa yang memproduksi dan mempromosikan secara meluas unsur budaya popular kepada pengguna massa bagi mengaut keuntungan.<sup>12</sup> Manakala, menurut Bernard Rosenberg dan David Manning White pula, mereka berpendapat bahawa budaya popular itu membawa pengertian yang sama dengan budaya massa terkait dengan teknologi. Definisi ini selari dengan pandangan Dominic Strinati yang mendefinisikan budaya popular sebagai budaya yang muncul mengikut kehendak media massa. Beliau juga menjelaskan bahawa dalam budaya popular ini berlakunya pertarungan di antara pelbagai bahan budaya dalam industri budaya bagi merebut perhatian masyarakat. Bagi Ignas Kleden seorang ahli sosiologi Indonesia, beliau menjelaskan bahawa ciri bagi perkataan popular itu lebih difahami sebagai sesuatu sub-budaya yang tidak mapan. Maka perkaitannya dengan perbahasan budaya secara umum menggambarkan tentang budaya popular ini yang tidak seiring

<sup>9</sup> Tiara Arum Suparmi, "Perilaku Remaja Urban terhadap Pop Culture: Studi Deskriptif Perilaku Keranjangan Remaja Urban di Surabaya," *Jurnal Universitas Airlangga* 3, no. 2 (2014), 10.

<sup>10</sup> Henrik Vejlgaard, *Anatomy of a Trend* (United States of America: McGraw-Hill, 2008), 33.

<sup>11</sup> Wan Abdul Kadir, *Transmisi Budaya Popular* (Petaling Jaya: Masfami Enterprise, 1993), 45.

<sup>12</sup> John Storey, *An Introductory Guide to Cultural Theory and Popular Culture* (New York: Harvester Wheatsheaf, 1993), 10-26.

dengan norma-norma budaya dominan sedia ada yang telah mapan.<sup>13</sup>

*Rave* merupakan satu sub-budaya yang mempunyai kaitan rapat dengan kelompok anak muda, gaya hidup alternatif, gerakan sosial, hiburan dan kemajuan semasa.<sup>14</sup> *Rave* telah menjadi fenomena di Eropah secara umumnya pada tahun 1950-an. Ketika itu, perkataan ‘*rave*’ menggambarkan berkenaan aktiviti penganjuran pesta-pesta liar bohemian<sup>15</sup> dalam kalangan masyarakat. Di Malaysia, *rave* mula menjadi fenomena sekitar tahun 2014 dan begitu memuncak pada tahun 2016 hingga tahun 2017. *Rave* di negara ini menjadi *trending* dalam kalangan anak muda bandaran khususnya di ibu kota. Penularan budaya *rave* dalam sistem sosial masyarakat di negara ini dapat dikesan melalui hasil perkongsian video-video berkenaan aktiviti ini yang dimuat naik di laman *YouTube*. Setelah diteliti, terdapat tiga variasi ikutan kelompok anak muda berkenaan budaya *rave*. Pertama, penyertaan kelompok ini dalam aktiviti *rave* anjuran khas seperti festival muzik atau di tempat tertutup seperti kelab-kelab malam.<sup>16</sup> Kedua, wujudnya penganjuran acara *rave* yang diadakan oleh mereka sendiri yang dilakukan di tempat awam terbuka seperti di taman KLCC (*Kuala Lumpur City Centre*), Pavilion dan seumpamanya.<sup>17</sup> Ketiga, aktiviti tarian *rave* yang diekspresikan oleh mereka secara individu atau kelompok

<sup>13</sup> Ignas Kleden, “Kebudayaan Pop Kritik dan Pengakuan,” *Prisma* 5 (1987), 14.

<sup>14</sup> Tammy L. Anderson and Philip R. Kavanaugh, “A ‘Rave’ Review: Conceptual Interests and Analytical Shifts in Research on Rave Culture,” *Sociology Compass* 1, no. 2 (2007), 501.

<sup>15</sup> Bohemian: Cara dan gaya hidup yang bertentangan dengan keadaan kebiasaan masyarakat dominan.

<sup>16</sup> TowerRocks2013, “EDM ROCKSTAR 2015 ‘KL URBAN MUSIC & ART FESTIVAL’ (AFTERMOVIE),” video YouTube, dikemaskini 14 April 2015, diakses pada 3 Disember 2022, [https://www.youtube.com/watch?v=gvQi\\_fuMOyY](https://www.youtube.com/watch?v=gvQi_fuMOyY). Lihat Zouk Club Kuala Lumpur, “Popular Videos- Zouk Club Kuala Lumpur & Rave,” video YouTube, diakses pada 3 Jun 2021, [https://www.youtube.com/play\\_list?list=PLVZU4tT8NdTSGf829xH6kXh8AxRmzNbA1](https://www.youtube.com/play_list?list=PLVZU4tT8NdTSGf829xH6kXh8AxRmzNbA1).

<sup>17</sup> Nubis Kubis Channel, “Budak Raver Ayah Uchux Open Taman KLCC,” video YouTube, dikemaskini 9 Jun 2018, diakses pada 3 Jun 2021, <https://www.youtube.com/watch?v=vyeAukT8SwI>.

kecil di lokasi tertentu yang pelbagai seperti di kawasan flat, sekolah, dalam pengangkutan awam MRT dan lain-lain.<sup>18</sup>

Umumnya berkenaan bentuk aktiviti *rave* di negara ini, bagi aktiviti *rave* yang dilakukan di kelab-kelab malam, ia masih sepertimana aktiviti *rave* asal yang dianjurkan di Eropah. Manakala, bagi aktiviti *rave* yang dilakukan di tempat awam atau yang dilakukan secara kelompok kecil atau individu, terdapat beberapa perbezaan berbanding bentuk aktiviti *rave* yang asal. Bentuk aktiviti *rave* yang kedua ini pernah popular dan mencetuskan fenomena di negara ini. Kemunculannya juga tidak sebagaimana sub-budaya lainnya yang cenderung bersifat politik dan berfalsafah.<sup>19</sup> Kemunculan *rave* di Malaysia dilihat telah diolah dan disesuaikan mengikut keadaan sosial di negara ini. Pernyataan tersebut dapat dilihat pada beberapa aspek seperti peringkat umur kelompok anak muda yang menyertai aktiviti ini, latar belakang sosio-ekonomi, lokasi mereka beraktiviti, bentuk tarian, jenis muzik irungan dan fesyen yang digayakan.

Kelompok anak muda yang terlibat menyertai aktiviti *rave* di tempat terbuka kebanyakannya dalam lingkungan berumur kira-kira 15 hingga 25 tahun. Malah, ada dalam kalangan mereka yang berumur 9 tahun, iaitu masih di bangku sekolah rendah. Hubungan erat di antara mereka telah membentuk satu komuniti yang digelar sebagai kumpulan ‘*Raver*’ atau ‘*Boek Dancer*’. Rata-rata daripada kelompok anak muda ini datang daripada keluarga yang berpendapatan rendah dan tinggal di rumah kos sederhana dan rendah. Bagi lokasi tumpuan untuk beraktiviti, mereka kebiasaannya berkelompok dan mudah ditemui di ruangan awam yang terbuka ketika hari minggu. Mereka juga turut menggelarkan diri sebagai ‘*people’s park*’ kerana sering menjadikan ruangan awam untuk melakukan acara tarian *rave* dengan membawa radio atau pembesar suara ke jalanan bagi mengiringi aktiviti tarian *rave*. Kelompok ini lebih cenderung untuk memilih ruangan awam dan

<sup>18</sup> Idola\_dancer\_keyyel, “#boekdancer #lagidancer #ravermalaya #ravermalaysia #sotong #rave #raverklcc #lrt,” video Instagram, dikemaskini 21 Disember 2016, diakses pada 18 Disember 2022, <https://www.instagram.com/p/BORiV0eheYp/>.

<sup>19</sup> Sharifah Nursyahidah Syed Annuar dan Muhammad Febriansyah, “Raver dan Hipster: Ekspresi Sub-Budaya Remaja di Kuala Lumpur,” *Malaysia Journal of Communication* 23, no. 1 (2018), 136.

terbuka kerana tidak memerlukan kos. Hal ini disebabkan oleh faktor umur pengikut-pengikutnya yang masih muda dan rata-rata mereka belum berkejaya. Situasi ini berbeza berbanding di Eropah apabila acara *rave* yang dianjurkan untuk berhibur dan menari hanya eksklusif diadakan di kelab-kelab dan anjuran pesta-pesta khas yang berbayar.

Bagi cara tarian, istilah bagi gerak geri tarian mereka dinamakan sebagai joget yang digayakan secara bebas mengikut muzik yang dimainkan. Bagi jenis muzik irungan tarian yang dimainkan, kelompok *raver* ini mempunyai muzik-muzik popular olahan (*remix*) mereka yang tersendiri. Muzik tersebut antaranya yang bertajuk ‘*Kangkung*’, ‘*Mak Kau Hijau*’, ‘*Feng Tau Malaya*’, ‘*Ale Uto*’, ‘*Baeks Ravers*’, ‘*Hapraxx*’, ‘*Kepala Bapak Kau*’, ‘*Chillakak*’ dan sebagainya lagi.<sup>20</sup> Olahan muzik ini dilihat berbeza dengan lagu *rave* di Barat yang hanya menekankan aluran rentak muzik rancak semata-mata tanpa lirik vokal. Bagi muzik ‘*Kangkung*’, gabungan olahannya diinspirasi daripada ucapan mantan Perdana Menteri Malaysia, Dato’ Sri Najib Razak yang menyebut:

“...Bila turun kenapa tak puji kerajaan? *Kangkung* dulu naik, sekarang dah turun. Ada yang dah turun, masa naik depa salahkan kerajaan. Ini tidak adil...”<sup>21</sup>

Bagi muzik ‘*Mak Kau Hijau*’ pula, ia inspirasi daripada satu klip video yang telah tular di laman sosial mengenai makian seorang kanak-kanak ketika bergaduh yang telah menyebut:

<sup>20</sup> Gt Robo, “Lagu Raver’s and Boek Dancer Terbaiklah,” video YouTube, dikemaskini 27 Disember 2016, diakses pada 3 Disember 2022, <https://www.youtube.com/playlist?list=PLaKLLTNmwie6ewEX6ZiKb0FUfouiMIUW1>. Lihat Daoz Shinoda, “Daoz Shinoda OFFICIAL,” audio SoundCloud, diakses pada 3 Disember 2022, <https://soundcloud.com/daozshinoda>.

<sup>21</sup> Milofaeqo, “Najib Razak- Kangkung (Remix),” video YouTube, dikemaskini 14 Januari, 2014, diakses pada 3 Disember 2022, <https://www.youtube.com/watch?v=D17rhTtieY4>.

“...Mak kau hijo, bapak kau hijo...”<sup>22</sup>

Manakala bagi muzik ‘*Feng Tau*’, ia merupakan perkataan daripada bahasa Hokkien yang membawa maksud menggoyangkan kepala. Penghasilan olahan muzik *rave* ini tidak dipastikan sama ada ia mempunyai kaitan dengan faktor politik atau berdasarkan falsafah tertentu atau semata-mata hanya kerana perkataan tersebut dilihat sebagai suatu yang lucu, tular, sensasi dan bersifat parodi. Lagu-lagu ini dipasang melalui pembesar suara tanpa wujud khidmat DJ. Ia berbeza kerana tidak seperti mana acara *rave* yang dianjurkan di kelab-kelab malam. Dari sudut fesyen, kelompok *raver* ini dilihat mengutamakan pakaian mampu milik dan tidak mahal. Bukti, antara feysen pakaian yang sering digayakan kumpulan ini adalah baju bersimbolkan huruf M, baju lambang padi berjenama ‘Fred Perry’, baju berjenama ‘Momotaro’, seluar bergambar ikan koi atau seluar bergambar naga. Ciri-ciri pakaian dan seluar yang digayakan tersebut adalah kategori kasual, longgar dan *sporty*. Pakaian-pakaian jenis ini biasanya mudah didapatkan dengan harga murah di pusat membeli belah jalan TAR (Tunku Abdul Rahman), Kuala Lumpur. Selain itu, majoriti daripada ahli kumpulan ini cenderung menghisap rokok berjenama *John* yang harganya lebih murah. Bagi medium komunikasi kelompok ini, aplikasi *WeChat* merupakan medium utama untuk mengenali di antara satu sama lain dan menunjukkan kebersamaan mereka. Laman sosial ini juga turut dijadikan medium perkongsian di antara mereka terutama kepada ahli baharu yang ingin belajar tarian *rave*.<sup>23</sup>

Tarian *rave* pada masa kini telah menjadi satu aktiviti arus perdana yang disebarluaskan secara meluas.<sup>24</sup> Ia telah berkembang dari semasa ke semasa mengikut realiti dan konteks sesebuah

<sup>22</sup> TheAnjangMan, “Mak Kau Hijau,” video YouTube, dikemaskini 7 Jun 2017, diakses pada 3 Disember 2022, <https://www.youtube.com/watch?v=o9athhY-hE>.

<sup>23</sup> Sharifah Nursyahidah Syed Annuar dan Muhammad Febriansyah, “Raver dan Hipster: Ekspresi Sub-Budaya Remaja di Kuala Lumpur,” *Malaysia Journal of Communication* 23, no. 1 (2018), 195-152.

<sup>24</sup> Brian Wilson, “Ethnography, the Internet, and Youth Culture: Strategies for Examining Social Resistance and “Online-Offline” Relationships,” *Canadian Journal of Education* 29, no. 1 (2006), 307-328.

negara di mana ia menapak. Bagi konteks Malaysia, *rave* telah disesuaikan dengan keadaan setempat yang memberi ciri-ciri baharu yang membezakannya dengan bentuk *rave* yang asal. Ini kerana pengaruh *rave* yang bertapak di negara ini telah disesuaikan dengan keadaan sosial dan kemampuan ekonomi peminatnya. Faktor tersebut telah membentuk ciri-ciri tersendiri terhadap cara mereka berekspresi yang membezakan dengan sub-budaya lain yang terlebih dahulu wujud sebelum ini. Fenomena *rave* ini dilihat semakin mendapat tempat dalam kalangan anak muda bandaran kerana ia dilihat mempunyai identiti, muzik dan fesyen yang tersendiri.<sup>25</sup> Selain itu, aliran tarian *rave* juga menggambarkan kebebasan mereka dalam berhibur serta mengungkapkan ekspresi diri mengikut cara yang tersendiri. Maka, pada masa kini kesan daripada perkembangan teknologi komunikasi dan media sosial baharu yang semakin rancak telah membuka peluang kepada tarian ini untuk menular ke kawasan lain.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian kualitatif ini mengaplikasikan kaedah analisis kandungan terhadap kandungan video berkenaan aktiviti *rave* yang dimuat naik dalam laman sosial perkongsian video *YouTube*. Analisis ini menumpukan secara khusus kepada sub-budaya berkenaan hiburan bergenre *rave* yang melibatkan bentuk tarian yang dilakukan, lirik lagu, dan pakaian mereka yang terbabit dengan tarian *rave*. Selain itu, pendekatan sosiologi hukum Islam<sup>26</sup> berpandukan instrumen penentuan hukum *al-‘urf* turut diaplikasi bagi mengenal pasti makna di sebalik simbolik dan tingkah laku kelompok remaja ketika melakukan aktiviti *rave*. Ini kerana parameter *al-‘urf* adalah relevan dalam penilaian suatu perbuatan atau tingkah laku yang dilakukan mukallaf bagi menentukan status hukum Islam

<sup>25</sup> Faten Saphilla Mohamed Isa, “Mencari Kebaikan di Sebalik Kegilaan Rave,” *Kosmo*, dikemaskini 24 Februari 2016, diakses pada 19 Disember 2022, <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/50276/1/Mencari%20kebaikan%20disebalik%20kegilaan%20rave.pdf>.

<sup>26</sup> Syamsul Azizul Marinsah dan Mohd Anuar Ramli. “Pendekatan Sosiologi Hukum Islam dalam Kajian Usul Al-Fiqh Gunaan: Aplikasi Terhadap Budaya Tradisi Masyarakat Bajau Semporna”. *Jurnal Kemanusiaan* 16, no. 1 (2018), 15.

bagi aktiviti *rave* yang dilakukan oleh kelompok anak muda sama ada ia dapat diklasifikasikan sebagai amalan yang diharuskan dan diterima (*sahih*) ataupun dilarang dan ditolak (*fasid*). Berdasarkan parameter penentuan *al-'urf* sama ada diklasifikasikan sebagai sahih dan fasid seperti yang telah digaris oleh para ulama, apa-apa pengamalan yang mendasari hidup masyarakat tidak boleh bertentangan dengan prinsip nas syarak. Selain itu, sesuatu pengamalan masyarakat itu juga haruslah terlebih dahulu wujud sebelum proses penilaian dilakukan ke atasnya. Dalam kajian ini, budaya popular merupakan suatu aktiviti yang tumbuh dalam sistem sosial masyarakat dan ia telah diamalkan oleh kelompok tertentu.

## BUDAYA POPULAR *RAVE* DARI PERSPEKTIF HUKUM ISLAM

Islam agama yang meraikan keperluan fizikal, mental, malah spiritual manusawi. Asasnya, Islam tidak melarang apa-apa hiburan atau seni yang mampu mendamaikan jiwa dan menyumbang kepada ketenangan hidup. Dalam melihat sesuatu seni hiburan, syariat Islam akan sentiasa memastikan setiap perkara yang terkait dengan aktivitinya tidak mendatangkan keburukan dalam kehidupan manusia. Begitu juga, apa-apa perkara yang memberi kemaslahatan kepada kehidupan manusia dan tidak bertentangan dengan nilai agama dan uruf setempat, maka Syariat Islam sentiasa bertoleransi dalam penerimaannya.

Berdasarkan pertimbangan berdasarkan instrumen penentuan hukum *al-'urf*, pengkaji mendapati beberapa isu hukum berbangkit mengenai pengamalan budaya popular *rave* dalam kalangan remaja. Terdapat unsur yang bercanggah dengan ketetapan Syarak. Pertama, aktivitinya mempunyai unsur mempromosi budaya hedonisme dan pergaulan bebas dalam kalangan remaja. Hedonisme menurut kamus Dewan membawa erti pegangan atau pandangan hidup yang mementingkan keseronokan atau kesenangan hidup semata-mata.<sup>27</sup> Kemunculan budaya *rave* di

<sup>27</sup> Pusat Rujukan Persuratan Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka, diakses pada 17 Disember 2022, <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=hedonisme>.

negara ini dikesan membawa masyarakat tempatan khususnya kelompok anak muda kepada gaya hidup bebas dan tabiat bersukaria secara melampau.<sup>28</sup> Hal ini diperkuuhkan lagi dengan latar belakang fenomena kemunculannya di negara ini yang merupakan semata-mata ikutan semasa berkaitan hiburan. Unsur ini jelas tampak pada aktiviti sosialnya seperti pelanggaran batasan pergaulan di antara bukan mahram, pendedahan aurat melalui cara berpakaian dan aksi tarian yang mengghairahkan terutama oleh kaum wanita.<sup>29</sup> Aktiviti tersebut adakalanya akan dirakam dalam bentuk video dan dimuat naik ke laman sosial. Perbuatan ini seolah-olah membuka ruang fitnah ke atas pelaku. Oleh itu, perbuatan-perbuatan ini adalah dilarang dalam Islam kerana dikategorikan sebagai perbuatan maksiat yang mana Syaitan akan mendorong pelakunya kepada perbuatan yang keji dan buruk. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 168-169:

يَأَيُّهَا الْنَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلِلًا طَيِّبًا وَلَا  
تَتَبَعُوا خُطُوْتَ الشَّيْطَنِ إِنَّهُ وَلِكُمْ عِدُوٌ مُّبِينٌ إِنَّمَا  
يَأْمُرُكُم بِالسُّوْءِ وَالْفِحْشَاءِ وَأَن تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ مَا  
لَا تَعْلَمُونَ

*“Wahai manusia! Makanlah apa yang ada di muka bumi yang halal lagi tayyib, dan janganlah*

<sup>28</sup> Faten Saphilla Mohamed Isa, “Mencari Kebaikan di Sebalik Kegilaan Rave,” *Kosmo*, dikemaskini 24 Februari, 2016, diakses pada 19 Disember 2022, <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/50276/1/Mencari%20kebaikan%20disebalik%20kegilaan%20rave.pdf>.

<sup>29</sup> Fahmi MD, “Raver Sotong di Sekolah,” video YouTube, dikemaskini 30 Jun 2018, diakses pada 18 Disember 2022, <https://www.youtube.com/watch?v=gI3PnDbwSIA>. Lihat Siti19021983@gmail.com Abc12345678, “Raver Idola,” video YouTube, dikemaskini 13 Mei, 2016, diakses pada 18 Disember 2022, <https://www.youtube.com/watch?v=zdKVvTwpMx4>. Lihat Siti19021983@gmail.com Abc12345678, “Raver2016,” video YouTube, dikemaskini 30 September 2016, diakses pada 18 Disember 2022, <https://www.youtube.com/watch?v=kgeO60Hxs1c>.

*kamu mengikuti jejak langkah syaitan, kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu. Sesungguhnya syaitan itu hanya menyuruh kamu melakukan kejahanan dan perkara-perkara yang keji, dan (menyuruh) supaya kamu berkata (dusta) terhadap apa yang kamu tidak ketahui (salah benarnya).”*

Isu hukum kedua mengenai budaya *rave* adalah wujudnya unsur yang merosakkan nilai kesantunan dan menjatuhkan maruah pelakunya. Pernyataan ini berdasarkan kepada bentuk aktivitinya yang bebas, liar, memberontak, tidak beradab dan bertentangan dengan norma baik masyarakat tempatan Melayu-Islam. Aksi tarian yang dilakukan secara bebas benar-benar menjatuhkan moral pelakunya.<sup>30</sup> Rentetan itu, suatu perbuatan yang mencemarkan maruah diri seseorang manusia adalah bertentangan dengan nilai ajaran Islam. Islam begitu mementingkan penganutnya agar sentiasa berusaha memelihara perilaku serta akhlak. Hal ini kerana akhlak seseorang itu merupakan cerminan kepada maruah dan harga dirinya serta memberi kesan kepada pegangan agamanya. Saranan untuk memelihara akhlak ini bertujuan melahirkan peribadi insan berbudi pekerti mulia. Ia bertepatan dengan sabda Nabi SAW:

إِنَّ مِنْ خِيَارِكُمْ أَحَسَنُكُمْ أَخْلَاقًا

“Sesungguhnya yang terbaik di antara kalian adalah orang yang paling baik akhlaknya.”<sup>31</sup>

Selain itu, isu hukum ketiga mengenai budaya *rave* adalah penyerupaan terhadap budaya orang bukan Islam atau *tashabbuh*. Malah asal amalan budaya ini yang begitu berkait rapat dengan

<sup>30</sup> Reisya Dude, “Boek Dancer Compilation 11,” video YouTube, dikemaskini 12 April 2016, diakses pada 18 Disember 2022, [https://www.youtube.com/watch?v=aY\\_nhrmFdiE](https://www.youtube.com/watch?v=aY_nhrmFdiE).

<sup>31</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Manāqib, Bāb Sifat al-Nabi, no. hadis 3559. Lihat Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘il al-Bukhārī, *Saḥīḥ al-Bukhārī* (Damshiq: Dar Ibn Kathīr, 2002), 877.

penyalahgunaan dadah dan pergaulan bebas.<sup>32</sup> Sebagaimana penjelasan sebelum ini, walaupun pengamalan budaya *rave* di negara ini terdapat perbezaan tidak sepertimana amalannya yang asal, namun ikutan masyarakat berkaitan budaya ini boleh disifatkan sebagai satu penyerupaan (*tashabhu*) pada perkara yang tidak bermanfaat dan maksiat. Oleh demikian, budaya ini sebaiknya dijauhi berasaskan kepada tegahan Nabi SAW yang melarang dengan tegas umat Islam daripada meniru amalan atau cara hidup orang bukan Islam. Berdasarkan peringatan baginda SAW:

مِنْ تَشْبَهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ

*“Barangsiapa yang menyerupai sesuatu kaum, maka dia adalah daripada kalangan mereka.”*<sup>33</sup>

Maka, peniruan ini adalah suatu perbuatan yang dilarang kerana tidak memberi apa-apa kebaikan kepada pelakunya. Sebaliknya, meninggalkan perbuatan yang tiada manfaat membuktikan keimanan dan keelokan peribadi seseorang. Perilaku ini selari dengan hadis Nabi SAW:

<sup>32</sup> Scott R. Hutson, “The Rave: Spiritual Healing in Modern Western Subcultures,” *Anthropological Quarterly* 73, no. 1 (2000), 35-36.

<sup>33</sup> Hadis riwayat Abu Dawud, Kitāb al-Libās, Bāb fī Libas al-Syuhrah, no. hadis 4031. Ibn Ḥajar dalam *Fath al-Bārī* mengatakan terdapat perselisihan bagi sanad ‘Abd al-Rahman bin Thabit bin Thaubān mengenai kethiqahannya. Al-Albānī dalam *Irwā’ al-Ghalīl* mengatakan bahawa sanad hadis ini hasan serta kesemua rijalnya thiqah kecuali Ibn Thaubān. Al-Irāqi mengatakan sanadnya sahib ketika mentakhrijkan hadith ini dalam al-Ihya’ Ulum al-Dīn. Lihat Abū Dawud Sulaimān bin al-Ashath al-Azdī al-Sajistānī, *Sunan Abī Daud*, ed. Syuāib al-Arnā’ūt dan Muhammād Kāmil Qarah Balīlī (Bayrut: Dar al-Risālah al-Ālamiyah, 2009), 6: 144; Aḥmad bin Alī bin Ḥajar al-Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Sahīh al-Bukhārī*, ed. ‘Abd al-‘Azīz bin Abd Allah bin Bāz, Muhammād Fu’ād Abd al-Bāqī dan Muhibb al-Dīn al-Khatīb (Riyāḍ: al-Maktabah al-Salafiyah, t.t.), 6: 98; Muhammād Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Irwā’ al-Ghalīl fi Takhrīj ‘Ahādīth Manār al-Sabil* (Bayrut: al-Maktab al-Islāmī, 1979), 5: 109; Maḥmūd bin Muhammād al-Haddād Abu ‘Abd Allah, *Takhrīj ‘Ahādīth Ihya’ Ulūm al-Dīn lil’Irāqi wa Ibn al-Subkī wa al-Zubīdī* (Riyāḍ: Dar al-Āṣimah, 1987), 2: 676.

مَنْ حُسِنَ إِسْلَامُ الْمَرءِ تَرَكَهُ مَا لَا يَعْنِيهِ

*“Di antara sebahagian tanda keelokan Islam seseorang ialah dia meninggalkan sesuatu yang tidak berkaitan dengannya.”*<sup>34</sup>

Dari aspek penilaian kesesuaian budaya rave ini dengan norma masyarakat Melayu-Islam, ia bertentangan kesantunan dan nilai budi masyarakat setempat. Malah, budaya yang menjadi trend ikutan kelompok anak muda ini mendapat kecaman daripada majoriti masyarakat. Hal ini kerana, ciri-ciri aktivitinya dilihat bertentangan dengan corak hiburan dan seni masyarakat setempat.<sup>35</sup> Antara pelabelan biasa yang digelar kepada kelompok raver adalah ‘sotong’ sebagai sindiran terhadap corak tariannya. Selain daripada itu, realiti budaya *rave* dilihat bertentangan dengan nilai, norma dan adat kebiasaan masyarakat di Malaysia. Aktiviti tarian *rave* juga tidak mementingkan batasan pergaulan di antara bukan mahram, dan aurat.

Di samping itu, impak fenomena budaya *rave* terhadap sistem sosial, pertamanya aktiviti tarian *rave* memberi tekanan terhadap budaya dominan masyarakat setempat.<sup>36</sup> Pernyataan tersebut memperlihatkan keadaan budaya dominan semakin dilupakan,

<sup>34</sup> Hadis riwayat al-Tirmizi, Abwāb al-Fitan, ‘Abwāb al-Zuhd, Bāb, no. hadith 2318, dan Ibn Mājah, Kitāb al-Fitan, Bāb Kaf al-Lisān fi al-Fitnah, no. hadith 3796, dan Imam Ahmad, Hadith al-Husain bin ‘Alī, no. hadith 1732. Lihat Abū Īsa Muhammad bin Īsa al-Tirmizī, *Al-Jamī’ al-Kabīr*, ed. Basyār Awwād Márūf (Bayrut: Dar al-Gharb al-Islamī, 1996), 4: 148, dan Abū Abdullah Muhammad bin Yazīd al-Qazwīnī, *Sunan Ibn Mājah*, ed. Muhammad Fu’ad Abd al-Bāqī (Kaherah: Dar ‘Ihya al-Kutub al-Arabiyyah, 2009), 1: 1315-1316, dan Ahmad bin Hanbal, *Musnad Imam Ahmad bin Hanbal*, ed. Syuaib al-Arnaut dan ‘Ādil Mursyid (Bayrut: Mu’assasah al-Risālah, 2009), 3: 255-256.

<sup>35</sup> Feyra Nasrom, “Lupakan Hipster, Kini Trending dengan Budaya Raver,” *Era*, diakses pada 18 Jun 2021, <https://era.je/interaktif/trending/lupakan-hipster-kini-trending-dengan-budaya-raver>.

<sup>36</sup> Sharifah Nursyahidah Syed Annuar dan Muhammad Febriansyah, “Raver dan Hipster: Ekspresi Sub-Budaya Remaja di Kuala Lumpur,” *Malaysian Journal of Communication* 34, no. 1 (2018), 135-152.

dipinggirkan dan tidak mendapat tempat dalam kalangan masyarakat tempatan khususnya kelompok anak muda. Selain itu, seperti mana sub-budaya popular dahulu yang lain seperti *Rock Kapak, Punk, Black Metal, Skinhead* dan lain-lain lagi, kemunculan budaya *rave* di negara ini juga turut mencetuskan konflik moral. Lebih parah dan meresahkan lagi apabila budaya ini menular dalam kelompok remaja yang masih di bangku persekolahan.<sup>37</sup> Dari sudut yang lain pula, aktiviti tarian *rave* yang sering menjadikan lokasi awam seperti di taman KLCC dan lain-lain lagi tempat terbuka di ibu kota dilihat mencemarkan imej lokasi awam dan nama negara. Keadaan ini berlaku apabila lokasi awam yang menjadi tumpuan orang ramai dan para pelancong dari luar negara untuk beriadah dicemari dengan aktiviti *rave* sehingga memerlukan kawalan ketat pengawal keselamatan sepanjang masa di kawasan awam tersebut. Realiti yang berlaku ini boleh ditanggapi oleh masyarakat luar sebagai cerminan peribadi umum bagi masyarakat di negara ini.

## PANDUAN SENI HIBURAN YANG SELARI DENGAN HUKUM ISLAM

Asasnya, syariah Islam dalam berinteraksi dengan apa-apa aktiviti dalam hal kebudayaan kelompok masyarakat mempunyai asas falsafahnya tersendiri. Pertama, Islam sebagaimana sebuah agama yang sesuai pada setiap zaman dan lokaliti akan tetap memelihara unsur, nilai dan norma positif dalam kebudayaan sesebuah masyarakat. Kedua, bagi unsur, nilai dan norma negatif yang terkandung dalam kebudayaan masyarakat akan dihapuskan. Ketiga, Islam dalam memberi solusi akan menerapkan unsur, nilai dan norma positif baharu selaras dengan prinsip agama yang belum wujud dalam kebudayaan masyarakat tempatan.<sup>38</sup> Ia membawa erti bahawa Islam tidak memusnahkan kebudayaan berunsur baik

<sup>37</sup> Faizal poyo, “Raver Skjap Boek Dancer,” video YouTube, dikemaskini 15 Disember 2015, diakses pada 18 Disember 2022, <https://www.youtube.com/watch?v=haCgkdSjf54>.

<sup>38</sup> Anwar Din, *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu* (Shah Alam: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2016), 100.

masyarakat setempat.<sup>39</sup> Sebaliknya, Islam menuntut suatu hal berkenaan seni hiburan itu seharusnya selari dengan nilai Islam dan tidak membawa keburukan kepada kehidupan masyarakat itu sendiri.<sup>40</sup>

Oleh demikian, bagi panduan asas masyarakat Islam, sesuatu aktiviti yang terkait dengan seni hiburan itu mestilah:<sup>41</sup>

- a) Tidak bertentangan dengan akidah Islam seperti wujudnya unsur penyerupaan dengan agama lain (*tasyabuh*).
- b) Tidak mempunyai unsur maksiat seperti pergaulan lelaki dan perempuan tanpa batas atau mendorong kepada nafsu syahwat.
- c) Tidak melalaikan seperti melengah-lengah atau mengabaikan hak-hak Allah dan kewajipan utama dalam hidup.
- d) Tidak mencemarkan imej dan nilai syarak.
- e) Tidak menjatuhkan nilai kemanusiaan (menjaga adab-adab pergaulan).
- f) Tidak dipandang buruk oleh masyarakat tempatan yang dominan.
- g) Tidak menggugat kedudukan budaya asli dan norma baik masyarakat setempat.
- h) Tidak bercampur dengan apa-apa perkara yang haram.

<sup>39</sup> Muhammad Khairul Hafiz Noor Hissham, Mohd Anuar Ramli dan Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar, “Unsur Kearifan Tempatan Dalam Seni Persembahan Melayu-Islam: Analisis Dari Perspektif Hukum Islam”, *Jurnal Fiqh* 16, no. 2 (2019), 321-352.

<sup>40</sup> Akhmad Akromusyuhada, “Seni Dalam Perpektif al-Quran dan Hadist.” *Jurnal Tahdzibi: Manajemen Pendidikan Islam* 3, no. 1 (2018), 5.

<sup>41</sup> “Garis Panduan Hiburan (Edisi Kedua) Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali ke-107 pada 10-11 Februari 2015,” *e-SMAF Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*, diakses pada 19 Disember 2022, <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/15812>. Lihat “Garis Panduan Karnival dan Hiburan yang Dibenarkan dalam Islam,” *Jabatan Mufti Perak*, dikemaskini 16 Jun 2008, diakses pada 19 Disember 2022, [http://mufti.perak.gov.my/images/perkhidmatan/koleksi\\_umum/garis panduan/garis panduan hiburan dan karnival.pdf](http://mufti.perak.gov.my/images/perkhidmatan/koleksi_umum/garis panduan/garis panduan hiburan dan karnival.pdf).

Oleh demikian, inilah jurang yang menjadi perbezaan di antara berhibur mengikut cara Islam dengan selain daripadanya. Begitulah motif budaya dalam Islam yang tidak bermatlamatkan semata-mata berhibur. Sebaliknya, motif budaya Islami itu adalah mengangkat nilai etika dalam beraktiviti dengan bermatlamat kerana Allah SWT, bagi menyumbang manfaat kepada manusia dan alam lingkungannya.<sup>42</sup>

## PENUTUP

Secara tuntasnya, pengkaji cenderung mengklasifikasikan budaya *rave* sebagai suatu budaya hiburan yang bertentangan dengan ketetapan Syarak, dan umat Islam dilarang untuk mengikuti atau melakukan aktivitinya kerana wujud unsur maksiat dan *tasyabuh* yang dilarang. Malahan, aktiviti *rave* tidak mendatangkan apa-apa kebaikan dan manfaat kepada masyarakat. Keburukan budaya ini juga tampak jelas melalui bentuk dan ciri-ciri aktivitinya yang mengenepikan kesantunan sosial, nilai budi, norma dan adat baik masyarakat tempatan. Berasaskan parameter penentuan *al-iurf* yang diaplikasikan dalam penilaian budaya popular ini, maka budaya *rave* dikategorikan sebagai satu budaya buruk (*fasid*) yang perlu dijauhi dan ditinggalkan. Justeru, setiap pihak perlu berperanan dalam membimbang kelompok anak muda yang terjebak dengan budaya *rave*. Usaha ini perlu dilakukan agar aktiviti budaya yang menjadi pilihan anak muda tidak bertentangan dengan hukum Islam dan kesantunan Melayu.

## RUJUKAN

“Garis Panduan Hiburan (Edisi Kedua) Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Kali ke-107 pada 10-11 Februari 2015,” *e-SMAF Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*, diakses pada 19 Disember 2022, <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/15812>.

<sup>42</sup> Abdul Basit Samat @ Darawi, Akmaliza Abdullah, Adibah Muhtar, Abd. Rahman Hj. Hamzah, Azhar Yaakub @ Ariffin dan Norhafizah Musa, “Kesenian Islam dalam Warisan ketamadunan,” *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies* 8, no. 3 (2018), 6.

“Garis Panduan Karnival dan Hiburan yang Dibenarkan dalam Islam,” *Jabatan Mufti Perak*, dikemaskini 16 Jun, 2008, diakses pada 19 Disember 2022, [http://mufti.perak.gov.my/images/perkhidmatan/koleksi\\_umum/garis panduan/garis panduan hiburan dan karnival.pdf](http://mufti.perak.gov.my/images/perkhidmatan/koleksi_umum/garis panduan/garis panduan hiburan dan karnival.pdf).

Abdul Basit Samat @ Darawi, Akmaliza Abdullah, Adibah Muhtar, Abd. Rahman Hj. Hamzah, Azhar Yaakub @ Ariffin dan Norhafizah Musa, “Kesenian Islam dalam Warisan ketamadunan,” *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies* 8, no. 3 (2018), 1-12.

Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismāīl al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Damsyiq: Dar Ibn Kathīr, 2002.

Abū Abdullah Muhammad bin Yazīd al-Qazwīnī, *Sunan Ibn Mājah*, ed. Muhammad Fu’ad ‘Abd al-Bāqī. Qahirah: Dar ‘Ihya al-Kutub al-‘Arabiyyah, 2009.

Abū Dawud Sulaimān bin al-Asħath al-Azdī al-Sajistānī, *Sunan Abī Dawud*, ed. Syuaib al-Arnā’ūt dan Muhammad Kāmil Qarah Balilī. Bayrut: Dar al-Risālah al-Ālamiyah, 2009.

Abū ‘Īsa Muhammad bin Īsa al-Tirmizī, *Al-Jamī’ al-Kabīr*, ed. Basyār Awwād Mārūf. Bayrūt: Dār al-Gharb al-Islamī, 1996.

Aḥmad bin Alī bin Hajar al-Asqalānī, *Faṭḥ al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, ed. ‘Abd al-‘Aziz bin Abd Allah bin Bāz, Muhammad Fu’ad ‘Abd al-Bāqī dan Muhib al-Dīn al-Khaṭīb. Riyāḍ: al-Maktabah al-Salafiyyah, t.t.

Ahmad bin Hanbal, *Musnad Imam Ahmad bin Hanbal*, ed. Syuaib al-Arnaut dan ‘Ādil Mursyid, Bayrut: Mu’assasah al-Risālah, 2009.

Akhmad Akromusuhada, “Seni Dalam Perpektif al-Quran dan Hadist.” *Jurnal Tahdzibi: Manajemen Pendidikan Islam* 3, no. 1 (2018), 1-6.

Antar Venus dan Lucky Helmi, “Budaya Populer Jepang di Indonesia: Catatan Studi Fenomenologis tentang Konsep Diri Anggota Cosplay Party Bandung,” *Jurnal ASPIKOM* 1, no. 1 (2010), 71-90.

Anwar Din, *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu*. Shah Alam: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2016.

- Bing Bedjo Tanudjaja, “Pengaruh Media Komunikasi Massa Terhadap Popular Culture dalam Kajian Budaya/Cultural Studies,” *Nirmana* 9, no. 2 (2017), 96-105.
- Brian Wilson, “Ethnography, the Internet, and Youth Culture: Strategies for Examining Social Resistance and “Online-Offline” Relationships,” *Canadian Journal of Education* 29, no. 1 (2006), 307-328.
- Daoz Shinoda, “Daoz Shinoda OFFICIAL,” audio SoundCloud, diakses pada 3 Disember 2022, <https://soundcloud.com/daozshinoda>.
- Dominic Strinati, *Popular Culture: An Introduction to Theories of Popular Culture*, terj. Abdul Mukhid. Jakarta: Jejak, 2003.
- Fahmi MD, “Raver Sotong di Sekolah,” video YouTube, dikemaskini 30 Jun 2018, diakses pada 18 Disember 2022, <https://www.youtube.com/watch?v=gI3PnDbwSIA>.
- Faizal poyo, “Raver Skjap Boek Dancer,” video YouTube, dikemaskini 15 Disember 2015, diakses pada 18 Disember 2022, <https://www.youtube.com/watch?v=haCgkdSjf54>.
- Faten Saphilla Mohamed Isa, “Mencari Kebaikan di Sebalik Kegilaan Rave,” *Kosmo*, dikemaskini 24 Februari 2016, diakses pada 19 Disember 2022, <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/50276/1/Mencari%20kebaikan%20disebalik%20kegilaan%20rave.pdf>.
- Feyra Nasrom, “Lupakan Hipster, Kini Trending dengan Budaya Raver,” *Era*, diakses pada 18 Jun 2021, <https://era.je/interaktif/trending/lupakan-hipster-kini-trending-dengan-budaya-raver>.
- Gt Robo, “Lagu Raver’s and Boek Dancer Terbaiklah,” video YouTube, dikemaskini 27 Disember 2016, diakses pada 3 Disember 2022, <https://www.youtube.com/playlist?list=PLaKLLTNmwie6ewEX6ZiKb0FUFouiMIUW1>.
- Henrik Vejlgaard, *Anatomy of a Trend*. United States of America: McGraw-Hill, 2008.

Idola\_dancer\_keyyel, “#boekdancer #lagidancer #ravermalaya #ravermalaysia #sotong #rave #raverklcc #lrl,” video Instagram, dikemaskini 21 Disember 2016, diakses pada 18 Disember 2022, <https://www.instagram.com/p/BORiV0eheYp/>.

Ignas Kleden, “Kebudayaan Pop Kritik dan Pengakuan,” *Prisma*, 5 (1987).

John Storey, *An Introductory Guide to Cultural Theory and Popular Culture*. New York: Harvester Wheatsheaf, 1993.

Mahmūd bin Muḥammad al-Haddād Abu ‘Abd Allah, *Takhrīj ‘Ahādīth Ihya’ ‘Ulūm al-Dīn li al-‘Irāqi wa Ibn al-Subkī wa al-Zubīdī*. Riyāḍ: Dar al-Āsimah, 1987.

Milofaeqo, “Najib Razak- Kangkung (Remix),” video YouTube, dikemaskini 14 Januari, 2014, diakses pada 3 Disember 2022, <https://www.youtube.com/watch?v=D17rhTtieY4>.

Muhammad Khairul Hafiz Noor Hissham, Mohd Anuar Ramli dan Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar, “Unsur Kearifan Tempatan Dalam Seni Persembahan Melayu-Islam: Analisis Dari Perspektif Hukum Islam,” *Jurnal Fiqh* 16, no. 2 (2019), 321-352.

Muhammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, *Irwā’ al-Ghalīl fī Takhrīj ‘Ahādīth Manār al-Sabil*. Bayrūt: al-Maktab al-Islāmī, 1979.

Nubis Kubis Channel, “Budak Raver Ayah Uchux Open Taman KLCC,” video YouTube, dikemaskini 9 Jun 2018, diakses pada 3 Jun 2021, <https://www.youtube.com/watch?v=vyeAukT8SwI>.

Pusat Rujukan Persuratan Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka, diakses pada 17 Disember 2022, <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=hedonisme>.

Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, diakses pada 3 Disember 2022, <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=popular>.

Reisya Dude, “Boek Dancer Compilation 11,” video YouTube, dikemaskini 12 April 2016, diakses pada 18 Disember 2022, [https://www.youtube.com/watch?v=aY\\_nhrmFdiE](https://www.youtube.com/watch?v=aY_nhrmFdiE).

- Scott R. Hutson, “The Rave: Spiritual Healing in Modern Western Subcultures,” *Anthropological Quarterly* 73, no. 1 (2000), 35-49.
- Sharifah Nursyahidah Syed Annuar dan Muhammad Febriansyah, “Raver dan Hipster: Ekspresi Sub-Budaya Remaja di Kuala Lumpur,” *Malaysia Journal of Communication* 23, no. 1 (2018), 135-152.
- Siti19021983@gmail.com Abc12345678, “Raver Idola,” video YouTube, dikemaskini 13 Mei 2016, diakses pada 18 Disember 2022, <https://www.youtube.com/watch?v=zdKVvTwpMx4>.
- Siti19021983@gmail.com Abc12345678, “Raver2016,” video YouTube, dikemaskini 30 September 2016, diakses pada 18 Disember 2022, <https://www.youtube.com/watch?v=kgeO60Hxs1c>.
- Syamsul Azizul Marinsah dan Mohd Anuar Ramlie. “Pendekatan Sosiologi Hukum Islam dalam Kajian Usul Al-Fiqh Gunaan: Aplikasi Terhadap Budaya Tradisi Masyarakat Bajau Semporna,” *Jurnal Kemanusiaan* 16, no. 1 (2018), 12-18.
- Tammy L. Anderson and Philip R. Kavanaugh, “A ‘Rave’ Review: Conceptual Interests and Analytical Shifts in Research on Rave Culture,” *Sociology Compass* 1, no. 2 (2007), 499-519.
- TheAnjangMan, “Mak Kau Hijau,” video YouTube, dikemaskini 7 Jun, 2017, diakses pada 3 Disember 2022, <https://www.youtube.com/watch?v=o9athkhY-hE>.
- Tiara Arum Suparmi, “Perilaku Remaja Urban terhadap Pop Culture: Studi Deskriptif Perilaku Keranjangan Remaja Urban di Surabaya,” *Jurnal Universitas Airlangga* 3, no. 2 (2014), 1-19.
- TowerRocks2013, “EDM Rockstar 2015 ‘Kl Urban Music & Art Festival’ (Aftermovie),” video YouTube, dikemaskini 14 April, 2015, diakses pada 3 Disember 2022, [https://www.youtube.com/watch?v=gvQi\\_fuMOyY](https://www.youtube.com/watch?v=gvQi_fuMOyY).

- Wan Abdul Kadir. *Budaya Popular dalam Masyarakat Melayu Bandaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988.
- Wan Abdul Kadir. *Budaya Popular dalam Pembangunan Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2003.
- Wan Abdul Kadir. *Masyarakat dan Budaya Melayu: Tradisi dan Perubahan*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmu, 2007.
- Wan Abdul Kadir. *Transmisi Budaya Popular*. Petaling Jaya: Masfami Enterprise, 1993.
- Zouk Club Kuala Lumpur, “Popular Videos- Zouk Club Kuala Lumpur & Rave,” video YouTube, diakses pada 3 Jun 2021, <https://www.youtube.com/playlist?list=PLVZU4tT8NdTSGf829xH6kXh8AxRmzNbA1>

